

**TEKS UCAPAN PERASMIAN**  
**YBHG. DATO' DR. NOOR ZARI BIN HAMAT**  
**KETUA SETIAUSAHA**  
**KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN WARISAN**  
**26 OGOS 2020**

---

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Bulan Kemerdekaan**

**(SALUTASI AKAN DISEDIAKAN PENGANJUR)**

Hadirin dan Hadirat yang saya hormati sekalian,

**(Aluan)**

Pertama sekali, di petang yang indah lagi permai ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Jabatan Muzium Malaysia selaku penganjur kerana mengundang saya ke Majlis Perasmian Pameran Kemerdekaan ke-63 pada tahun ini. Saya dimaklumkan Pameran yang bertemakan, '**Koleksi-koleksi Terpilih Kemerdekaan**' ini akan berlangsung selama sebulan bermula pada 17 Ogos hingga 17 September 2020. Saya difahamkan bahawa Pameran Kemerdekaan ini merupakan program tetap Jabatan Muzium Malaysia setiap tahun yang diadakan khusus bagi mengimarahkan Sambutan Bulan Kemerdekaan.

Selain itu, inisiatif Jabatan Muzium Malaysia untuk mengadakan Acara Kibar Jalur Gemilang bersempena pameran ini juga amatlah dialu-alukan. Ini merupakan satu usaha yang sangat baik untuk memastikan sambutan Bulan Kemerdekaan kali ini terus diraikan dengan penuh meriah dan bersemangat meskipun dalam keadaan kita masih berjuang untuk menang dalam menangani wabak Covid-19 pada masa ini.

Hadirin dan Hadirat yang dihormati sekalian,

**(Peranan Motac)**

Meskipun pada tahun ini, wabak atau pandemik Covid-19 telah menyebabkan darurat kesihatan dan melumpuhkan ekonomi di seluruh dunia, Kementerian sentiasa berusaha untuk memastikan peranan setiap agensinya terus dilaksanakan. Sebagai sebuah Kementerian yang bertanggungjawab bagi memperkasakan seni, budaya dan warisan berteraskan dasar kebudayaan kebangsaan ke arah mengukuhkan perpaduan negara, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya sentiasa menyokong usaha agensi-agensi yang berpayung di bawahnya bagi mencapai objektif ini untuk bersama-sama melestarikan warisan dan mewujudkan produk pelancongan. Justeru, pelancaran kempen Semarak Pelancongan Domestik oleh Yang Berhormat Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya yang antara lain merangkumi pelan pemulihan sektor pelancongan dan kebudayaan menjadi tanda kesungguhan pihak kerajaan untuk terus memastikan kesejahteraan rakyat dan negara.

Susulan itu juga tahun ini kita menyaksikan tema Hari Kebangsaan yang dipilih pada tahun ini iaitu "Malaysia Prihatin", Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya turut mendokong usaha kerajaan untuk

menyeru seluruh rakyat Malaysia agar berganding bahu memerangi pandemik Covid-19, tanpa mengira ideologi politik dan meliputi segenap lapisan masyarakat, sama ada pihak kerajaan, pihak pembangkang, penjawat awam, sektor swasta, sukarelawan mahupun orang perseorangan.

Semangat “Malaysia Prihatin” ini perlu disemarakkan dalam segenap kehidupan rakyat Malaysia dan disematkan dalam ingatan rakyat negara ini bagi mengukuhkan kembali asas perpaduan, keharmonian dan kesejahteraan kita bersama. Di samping itu, semangat “Malaysia Prihatin” ini adalah slogan untuk kita terus-menerus menyemarakkan semangat patriotisme dan perpaduan negara dalam kalangan rakyat jelata serta menunjukkan sikap saling peduli atau ‘kita jaga kita’ dalam keadaan negara masih berdepan dengan cabaran wabak Covid-19 pada masa ini.

Hadirin dan Hadirat yang saya hormati sekalian,

### **(Peranan JMM)**

Pada tahun ini, genaplah 63 tahun negara kita berdiri sebagai sebuah negara yang merdeka, yakni bebas dari cengkaman penjajah dan kolonialisasi lebih dari 500 tahun lamanya. Justeru, tarikh 31 Ogos dan 16 September merupakan tarikh-tarikh keramat negara yang perlu diingati sampai bila-bila. Sungguhpun begitu, kita tidak boleh leka dan alpa dengan kebebasan yang kita kecapai sekarang kerana musuh dan anasir luar tidak pernah melupakan kita, malah sentiasa mencari peluang untuk mengganggu-gugat ketenteraman dan keharmonian negara kita. Lantaran itu, Pameran Kemerdekaan yang diadakan oleh Jabatan

Muzium Malaysia setiap tahun merupakan satu usaha murni dan berterusan bagi memastikan rakyat negara ini sentiasa peka dan menghayati erti kemerdekaan yang kita nikmati kini. Adalah menjadi fitrah dan lumrah manusia adakalanya alpa namun usaha Jabatan Muzium Malaysia ini digarap bagi memperingatkan rakyat betapa pentingnya kemerdekaan dan adalah menjadi tanggungjawab semua agar bersatu hati untuk terus mempertahankannya.

Saya juga berharap agar Jabatan Muzium Malaysia terus meningkatkan usaha untuk merancang program-program dan aktiviti permuziuman yang dapat memberi kefahaman kepada masyarakat tentang kepentingan menghayati dan menghargai sejarah serta budaya negara kita. Selain itu, muzium juga perlu sentiasa berkongsi dan menyebarkan maklumat berkaitan bukti-bukti sejarah dan budaya serta khazanah warisan negara kita seumpama koleksi-koleksi terpilih kemerdekaan ini agar dapat dikenali dan mendapat tempat di hati masyarakat serta menjadi bukti kekayaan warisan sejarah dan budaya negara yang perlu menjadi kebanggaan kita.

Hadirin dan Hadirat yang saya hormati sekalian,

**(Perasmian)**

Di kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak muzium kerana telah berjaya melaksanakan program dan aktiviti permuziuman dalam talian yang saya difahamkan telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada masyarakat. Ini menunjukkan, sungguhpun kita berada dalam situasi yang genting akibat pandemik Covid-19, pihak muzium mampu

mengerakkan tenaga kerja untuk lebih kreatif dan inovatif dalam penyampaian dan perkongsian semua program dan aktiviti permuziuman dengan orang ramai. Semoga usaha seumpama ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang untuk mendepani keadaan yang semestinya lebih mencabar.

**Akhir kata, saya dengan ini merasmikan Pameran Kemerdekaan bertemakan 'Koleksi Terpilih Kemerdekaan' serta pelancaran Acara Kibar Jalur Gemilang peringkat Jabatan Muzium Malaysia dengan ucapan bismillahirrahmanirrahim.**

Sekian sahaja ucapan saya, wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.